

Pengundi luar negara bangunkan FAQ sendiri
MalaysiaKini.com
4 Julai, 2012
Oleh Kuek Ser Kuang Keng

Kecewa dengan dakwaan ketidakcekapan kedutaan Malaysia dan pesuruhjaya tinggi berhubung isu pengundi di luar negara, kumpulan rakyat Malaysia mengambil inisiatif sendiri mengeluarkan dokumen soalan kerap ditanya (FAQ) yang komprehensif berhubung perkara itu.

Mereka berharap, ia turut memberi faedah kepada rakyat Malaysia yang terlibat dalam misi luar, yang boleh menggunakannya sebagai bahan latihan kepada kakitangan masing-masing.

FAQ sebanyak 14 halaman - yang memuatkan isu seperti kelayakan rakyat Malaysia di luar negara mengundi melalui pos dan bagaimana untuk mengundi daripada luar negara - disediakan November lalu oleh rakyat Malaysia di Switzerland.

Soalannya disediakan mereka sementara jawapannya disediakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melalui bantuan Kedutaan Malaysia di Berne, Switzerland.

Bala Chellia, antara rakyat Malaysia di belakang usaha itu, memberitahu Malaysiakini keadaan yang menyebabkan mereka mengeluarkan FAQ itu.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/202647>